

27/04/1998

PM mahu atlit gandakan latihan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyempurnakan upacara penutup Sukan Malaysia (Sukma) VII, di Stadium Tertutup, Shah Alam malam tadi.

Lebih istimewa, suasana berwarna warni yang dihadiri hampir 15,000 penonton itu, turut menyaksikan lakaran sejarah unik tercipta apabila Perdana Menteri memadamkan obor di Stadium Shah Alam menggunakan teknik canggih dari Stadium Tertutup.

Dr Mahathir, yang kali kedua menghadiri majlis penutup Sukma selepas Kuching pada 1990, turut menyampaikan Piala Perdana kepada kontinjen terbaik, Selangor.

Kejayaan Selangor muncul juara keseluruhan adalah kali ketiga selepas ditabalkan kontinjen terbaik pada 1988 di Kuala Lumpur, diikuti di Kuantan dua tahun lalu.

Malah, Sukma kali ini menyaksikan pencapaian terbaik mereka apabila meraih 80 pingat emas, 41 perak, dan 61 gangsa, jauh meninggalkan Sarawak di tempat kedua (46-45-41) dan Perak (25-25-37).

Selaku chef-de-mission, Datuk Zainal Dahalan menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri.

Perdana Menteri, dalam ucapannya percaya dengan 76 rekod baru dan 13 rekod kebangsaan tercipta dalam Sukma kali ini membuktikan tiada yang mustahil bagi atlit untuk menerokai kejayaan di peringkat antarabangsa.

Sebaliknya, dia mahukan atlit menggandakan latihan dan menyerlahkan semangat juang tinggi untuk mencapai kejayaan lebih besar dan membanggakan lagi.

"Tiada yang mustahil kerana atlit kita mempunyai bakat. Apa yang diperlukan ialah semangat untuk menjalani latihan demi latihan untuk mencapai kejayaan. Atlit adalah harapan negara. Saya harap mereka tidak menghampakan negara.

"Kejayaan yang dicapai bukan untuk diri sendiri, malah untuk negara. Dengan kejayaan yang dicapai, saya percaya ia akan menguatkan semangat kita bagi menghadapi cabaran," katanya.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan bendera Sukma kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon, sebagai tanda negeri di utara Semenanjung itu akan menganjurkan temasya prestij kebangsaan dua tahun lagi.

Sementara itu, Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah Atlit Lelaki Terbaik kepada Chai Song Lip dari Sarawak dan Atlit Wanita Terbaik kepada perenang Kuala Lumpur, Ho Hsu Ee.

Song Lip, 21, memenangi dua pingat emas bagi acara lompat jauh dan lompat kijang dengan memecahkan rekod Sukma bagi kedua-duanya.

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) ini dalam jurusan Kejuruteraan Awam mewakili negara dalam Sukan Sea 1997 di Jakarta, tapi tidak mengambil bahagian kerana namanya tidak disahkan.

Hsu Ee pula mencipta rekod kebangsaan acara renang 50 meter gaya bebas selain memenangi emas acara 100m kuak kupu-kupu.

(END)